

**Pendapatan per kapita Malaysia meningkat
Utusan Online
08 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR 7 Mac - Pendapatan per kapita Malaysia dijangka meningkat satu pertiga menjelang 2020 disokong oleh pertumbuhan negara yang kukuh.

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2013 dan 2014 dijangka stabil dengan peningkatan output disokong oleh sektor perkhidmatan dan pendapatan eksport yang kukuh.

Laporan Ekonomi Sukuan, Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW) menyatakan, bagaimanapun, negara-negara yang banyak bergantung kepada eksport dilihat bakal terkena impak kelembapan berterusan ekonomi global sepanjang 2012.

Menurut laporan tersebut, pertumbuhan KDNK Malaysia tahun ini diunjur 3.8 peratus disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi serta iklim ekonomi global yang mencabar terutama bagi negara yang bergantung kepada sektor elektronik.

Ia akan memberi kesan kepada permintaan barangan dan perkhidmatan ditambah dengan pengenalan cukai nilai tambah dan pengurangan subsidi kerajaan.

Kadar KDNK per kapita seluruh rantau ini dijangka berkembang walaupun taraf hidup di antara negara-negara ASEAN dilihat semakin meningkat dengan perbezaan KDNK per kapita tahunan di antara rakyat Singapura dengan rakyat-rakyat negara ASEAN yang lain berkembang hampir AS\$42,000 ke AS\$54,000.

" Negara-negara ASEAN akan terus maju mengikut standard antarabangsa kerana pelaburan dan penggunaan domestik yang berterusan menjana pertumbuhan ekonomi dan kami percaya KDNK per kapita akan meningkat di seluruh pasaran.

"Walaupun KDNK per kapita semakin berkembang dan terus maju di ASEAN, namun kadar penduduk yang tinggi tidak akan memberi apa-apa manfaat dengan segera. Bagaimanapun, pertambahan output negara secara konsisten pastinya akan meningkatkan taraf hidup seseorang, " kata Penasihat Ketua Pakar Ekonomi, ICAEW, Douglas McWilliams di dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pertumbuhan populasi yang tinggi di Malaysia dan Filipina dilihat sebagai penghalang kepada kadar pendapatan per kapita yang tinggi.

Negara-negara berpendapatan rendah seperti Kemboja, Laos dan Vietnam dijangka memiliki dua per tiga pertumbuhan KDNK per kapita menjelang akhir dekad ini, dengan Vietnam diramal memiliki paras pendapatan per kapita pada 2020 sama dengan apa yang dimiliki oleh Filipina ketika ini.

Laporan ICAEW ini dikeluarkan oleh rakan kongsinya Cebr. Laporan setiap suku tahun ini menyaksikan kajian terhadap ekonomi Asia Tenggara dengan fokus diberikan kepada enam negara terbesar iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0308&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm

